

RESILIAN DAN KESEJAHTERAAN KANAK-KANAK MALAYSIA DAN MASA DEPAN NEGARA¹

Aminah Ayob
National Child Development Research Centre
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia;
Email: aminahayob@upsi.edu.my

Mazlina Che Mustafa
Fakulti Pembangunan Manusia
National Child Development Research Centre
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: mazlina.cm@fpm.upsi.edu.my

Norazilawati Abdullah
Fakulti Pembangunan Manusia
National Child Development Research Centre
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: nora@fpm.upsi.edu.my

ABSTRAK

Dalam setiap dasar negara yang digubal, kanak-kanak adalah golongan yang kerap kali diketepikan. Padahal di negara-negara maju, kanak-kanak adalah subjek utama yang diberi perhatian dan mereka menyediakan dasar yang jelas dan investmen yang besar di peringkat awal kanak-kanak sebagai jaminan masa hadapan negara yang berjaya. WHO telah mendeklarasikan bahawa kesejahteraan kanak-kanak (children wellbeing) adalah ukuran utama kejayaan sesebuah negara, iaitu bagaimana negara itu menjaga hak dan segala keperluan perkembangan kanak-kanaknya. Maka, wajarlah dalam usaha Kerajaan Malaysia memperkasakan penduduk dan keluarga untuk masa hadapan, kesejahteraan kanak-kanak diberikan fokus yang khusus. Kertas kerja ini membentangkan dapatan kajian 'Children's Resilience and Happiness during the COVID-19 Pandemic' yang dijalankan bersama tujuh buah negara Asia, diketuai oleh Child Research Network Asia, Japan. Dapatan menunjukkan kanak-kanak Malaysia, 5 dan 7 tahun mempunyai tahap resilien yang sederhana, dan paling rendah berbanding kanak-kanak di negara Asia yang terlibat. Demikian juga hanya 60 dan 67 peratus kanak-kanak Malaysia, 5 dan 7 tahun dilaporkan gembira dan sejahtera berbanding purata 75 dan 81 peratus kanak-kanak di negara Asia yang terlibat. Tahap resilien yang rendah menunjukkan kanak-kanak Malaysia kurang daya tahan untuk menghadapi cabaran dalam hidup (apabila berlaku krisis, seperti pandemik COVID-19). Kesannya kanak-kanak ini kelak membesar menjadi individu yang tidak berani mengambil risiko, lemah dalam berfikir, kurang ikhtiar untuk menyelesaikan masalah, sentiasa bimbang, stres dan tidak gembira. Ciri-ciri ini bertentangan dengan keadaan masa hadapan yang dinamik, berteknologi tinggi, pantas, kreatif, fleksibel, adaptable, dan kolaboratif yang memerlukan sifat daya tahan tinggi, berani, positif, kreatif dan proaktif. Sehaluan dengan subtema persidangan, beberapa cadangan diberikan tentang cara memupuk potensi kanak-kanak untuk lebih berdaya saing pada masa hadapan.

Kata Kunci: Resilien kanak-kanak, kegembiraan dan kesejahteraan kanak-kanak, kesan pandemik COVID-19.

PENGENALAN

Sejak termaktubnya United Nations Convention on the Rights of the Child (CRC, 1989) kebanyakan negara-negara yang menandatangani konvensyen tersebut berlumba-lumba untuk meningkatkan prestasi hak asasi kanak-kanak di negara masing-masing. Investmen yang besar diperuntukkan bagi menyediakan peluang pendidikan yang berkualiti, penjagaan keselamatan, kesihatan, permakanan, perumahan, hak bersuara, perlindungan dari penganiayaan, eksploitasi dan sebagainya. Namun, kebelakangan ini kanak-kanak sudah tidak begitu dipedulikan dan disayangi, malah kes-kes penderaan, pembunuhan, pemerdagangan, penculikan, eksploitasi seks, 'virtual abuse', dinikahkan kerana kemiskinan, dibom dalam peperangan, dan dinafikan keperluan asas sehingga berjuta-juta kanak-kanak hidup dan membesar di dalam kemah-kemah pelarian di serata dunia tanpa kerakyatan dan pendidikan - menunjukkan bahawa hak asasi kanak-kanak sudah tidak dihargai atau dilupakan.

Perkara ini bukan sahaja terjadi di negara mundur tetapi juga di negara-negara maju. The Guardian² (October 11, 2017) mengkritik bahawa orang dewasa masa kini sudah tidak suka kepada kanak-kanak dan terdapat dasar kerajaan yang memisahkan

¹ Kami mengesahkan kertaskerja ini adalah hasil "Tinjauan Soalselidik Kolaboratif untuk meneroka faktor yang membina sifat resilien dan kegembiraan kanak-kanak di kalangan negara-negara Asia" sebuah projek kolaboratif bersama Child Research Network Asia (CRNA). [We acknowledge that this study is part of the "Collaborative questionnaire survey for exploring factors nourishing happy and resilient children among Asian countries", a collaborative research project with Child Research Network Asia (CRNA)].

² <https://www.theguardian.com/society/2017/oct/11/alison-michalska-children-poverty-austerity-social-work-funding>

kanak-kanak dari ibu bapa dengan sewenang-wenangnya³, malah tinjauan oleh Pew Research Center (2021)⁴ mendapati 56% orang dewasa di Amerika Syarikat sudah tidak mahu mempunyai anak. Berdasarkan tren ini, Philip Darbyshire (dalam editorial Journal of Child Health and Care, Sep. 2019)⁵ mempersoalkan, 'adakah masih benar kanak-kanak adalah masa hadapan negara'?

Malaysia mempunyai aspirasi besar untuk menjadi sebuah negara makmur, mapan, dan inklusif yang memacu kepada Kesejahteraan Keluarga Malaysia menjelang 2030 (WKB2030)⁶. Keluarga Malaysia didefinisikan sebagai 'merangkumi semua lapisan usia, termasuk anak muda dan yang telah berusia'. Namun, WKB2030 tidak langsung menyebut bahawa bayi dan kanak-kanak sebagai sebahagian daripada keluarga Malaysia, walaupun hakikatnya, kesejahteraan kanak-kanak adalah asas kepada kesejahteraan sesebuah keluarga dan negara. Oleh itu, dalam penggubalan semua dasar-dasar negara, kanak-kanak dan remaja (0-18 tahun) adalah golongan yang mesti diberi keutamaan untuk dibangunkan bakat dan potensi mereka kerana merekalah pewaris dan peneraju pembangunan negara pada masa hadapan. Malaysia masih mendokongi hakikat bahawa kanak-kanak adalah masa hadapan negara tanpa keraguan.

Kertas kerja ini membentangkan sebahagian dapatan kajian mengenai tahap resilien dan kegembiraan serta kesejahteraan kanak-kanak 5 dan 7 tahun di Malaysia yang dipetik dari Country Report: Malaysia (Ayob, et al., 2022), sebuah kajian kolaboratif lapan buah negara Asia yang diterajui oleh Child Research Network Asia (CRNA, Japan) bertema: '*Children's Resilience and Happiness (Quality of Life) during the COVID-19 Pandemic 2021-2022*'.

LATAR BELAKANG DAN ISU KAJIAN

Pandemik Covid-19 yang melanda dunia pada 2020-2021 telah memberi impak sosial yang sangat besar khususnya kepada kanak-kanak (UNICEF Malaysia, 2020; 2021; Hoofman, 2021; Fong, 2021; Zainudeen, et al. 2021; Benton et al. 2022). Banyak kajian melaporkan betapa kesan '*lockdown*' (PKP) yang lama terhadap keadaan *inactivity*, kebosanan dan masalah gangguan emosi di kalangan kanak-kanak seperti rasa sangat takut, bimbang, sunyi, sedih, stres, murung, hipersensitif dan keliru kerana terpaksa berkurung di dalam rumah, tidak dapat pergi sekolah dan tidak dapat bermain bersama kawan-kawan (Dorn, et al., 2020; Fong, et al., 2021; Hoofman, 2021; Sun et al., 2022). Perubahan tingkah laku juga berlaku seperti degil, memberontak, *tantrum*, hiperaktif, destruktif atau suka menyendiri, hilang selera makan, dan tiada motivasi belajar (Van Lancker & Parolin, 2020; World Bank, UNESCO and UNICEF, 2021; Sun, et al., 2022).

Di atas kesedaran bahawa isu-isu ini sangat besar pengaruhnya kepada kanak-kanak yang sedang membesar dan berkembang, maka kajian ini telah dipersetujui [oleh semua negara ahli dalam CRNA] untuk dilaksanakan. Kajian ini berteraskan Teori Bronfenbrenner (1992, dalam Cross, 2017) yang menegaskan bahawa perkembangan kanak-kanak adalah dipengaruhi oleh ekosistem persekitarannya, dan perkembangan kanak-kanak terencat jika mana-mana faktor ekosistem ini gagal berfungsi (Cheng, Moon, Artmen, 2020) atau terhalang. Dalam kajian ini tiga faktor ekosistem dikaji, iaitu ekosistem mikro (keluarga), meso (prasekolah dan sekolah), dan makro (dasar negara).

Tujuan kajian ialah untuk menentukan sejauhmana faktor-faktor ekosistem persekitaran mempengaruhi resilien dan kegembiraan serta kesejahteraan kanak-kanak 5 dan 7 tahun semasa pandemik COVID-19, dan apakah faktor persekitaran yang boleh memupuk resilien dan kegembiraan kanak-kanak (5 dan 7 tahun) untuk terus hidup selesa dan berkembang secara normal. Disamping itu, kajian ini cuba mencari persamaan dan perbezaan di antara 8 negara Asia yang terlibat.

Resilien dalam kajian ini didefinisikan sebagai kebolehan individu menghadapi dan mengatasi masalah dari krisis yang berlaku terutama krisis yang berpanjangan [seperti pandemik COVID-19] untuk terus hidup dan berkembang bagi mencapai kesejahteraan hidup (Ungar, 2018). Dalam konteks Malaysia, resilien boleh disamaertikan dengan daya tahan diri dalam menghadapi cabaran atau krisis. Ciri-ciri resilien adalah sangat penting untuk berjaya pada masa hadapan.

Kegembiraan dalam kajian ini didefinisikan sebagai perasaan selesa, puas hari dan ceria yang terhasil kerana adanya kesejahteraan hidup yang dirasakan oleh kanak-kanak seperti sihat fizikal dan emosi, yakin diri, rasa diri dikasihi, hubungan keluarga yang baik dan penyayang, gembira bersama kawan-kawan, diterima dan disayangi di prasekolah atau sekolah.

METODOLOGI

Kajian ini dijalankan secara tinjauan menggunakan soalselidik yang ditadbir secara online melalui Google-link yang dihantar ke semua agensi negeri yang menguruskan pendidikan prasekolah di Malaysia, untuk dihebahkan kepada semua guru-guru dan seterusnya dihantar kepada ibubapa yang mempunyai anak 5 dan/atau 7 tahun. Tinjauan ini dijalankan pada bulan September 2021.

Sebanyak 5,031 respons diterima (4,583 bagi anak 5 tahun dan 488 bagi anak 7 tahun). Bagi mendapatkan perbandingan yang setara dengan 7 negara Asia lain, hanya 250 responden pertama bagi setiap kumpulan umur kanak-kanak digunakan.

³ <https://www.theguardian.com/us-news/2019/jan/17/trump-family-separations-report-latest-news-zero-tolerance-policy-immigrant-children>

⁴ https://www.pewresearch.org/fact-tank/2021/11/19/growing-share-of-childless-adults-in-u-s-dont-expect-to-ever-have-children/ft_2021-11-19_havingchildren_01/

⁵ Editorial, J Child Health Care. 2019 Sep;23(3):339-342. DOI: 10.1177/1367493519867195.

⁶ https://www.epu.gov.my/sites/default/files/2020-02/WKB2030_BM_FA_DigitalCopy_V4.pdf

⁷ https://www.childresearch.net/projects/pdf/crna_2022_04.pdf

Instrumen kajian:

(i) Tahap resilién kanak-kanak diukur menggunakan instrumen asal *Person Most Knowledgeable - Child & Youth Resilience Measure-Revised (PMK-CYRM-R)* (Jefferies, McGarrigle & Ungar, 2018) yang diterjemahkan ke Bahasa Malaysia menggunakan teknik *back-translation* (van de Vijver, 2015; Borualogo & Jefferies, 2019). Instrumen ini mengandungi 17 item, mengukur dua jenis resilién: (i) Resilién Kanak-kanak (10 item - mengenai ciri-ciri intrapersonal dan interpersonal kanak-kanak), dan (ii) Resilién Hubungan Ibu-Anak (7 item - mengukur ciri-ciri perhubungan yang dikongsi bersama oleh ibu-bapa/ahli keluarga dengan kanak-kanak).

(ii) Kegembiraan dan kesejahteraan kanak-kanak diukur menggunakan instrumen *Health-Related Quality of Life in Children and Adolescents (KINDL-QOL)* (Bullinger, et al., 2008) yang diterjemah menggunakan teknik *back-translation* yang sama. Instrumen ini terdiri daripada 24 item, mengukur enam aspek, iaitu kesejahteraan fizikal, kesejahteraan emosi, estim-kendiri, hubungan keluarga, kawan-kawan, dan sekolah/prasekolah.

DAPATAN:

(i) Tahap resilién kanak-kanak Malaysia berbanding negara Asia lain

Jadual 1 menunjukkan tahap Resilién Kanak-kanak Malaysia jauh lebih rendah berbanding tujuh negara Asia lain yang terlibat. Kanak-kanak Malaysia 7 tahun menunjukkan tahap resilién lebih tinggi daripada 5 tahun (27.9 dan 36.9), tetapi di 7 negara Asia lain, tahap resilién Kanak-kanak 5 dan 7 tahun adalah hampir sama tinggi (40.32 dan 40.27).

Jadual 1- Tahap Resilién Kanak-kanak Malaysia 5 dan 7 tahun berbanding negara Asia lain (Jepun, China, Filipina, Taiwan, Indonesia, Singapura dan Thailand)

Soalselidik PMK-CYRM-R – mengukur resilién kanak-kanak (10 item)	TAHAP RESILIEN KANAK-KANAK (<i>Child's Personal Resilience</i>)					
	5 tahun		7 tahun		Purata 5 & 7 tahun	
	Jumlah skor min	Tahap	Jumlah skor min	Tahap	Jumlah skor min	Tahap
Malaysia	27.97	Sederhana	36.94	Tinggi	32.46	Sederhana
Skor Purata 7 negara Asia	40.32	Tinggi	40.27	Tinggi	40.3	Tinggi
• China	43.11	<i>Exceptional</i>	t.d	-	-	-
• Philippines	41.54	<i>Exceptional</i>	42.75	<i>Exceptional</i>	42.15	<i>Exceptional</i>
• Taiwan	40.21	<i>Exceptional</i>	40.15	Tinggi	40.18	Tinggi
• Indonesia	39.98	Tinggi	42.57	<i>Exceptional</i>	41.26	<i>Exceptional</i>
• Thailand	39.71	Tinggi	39.04	Tinggi	39.38	Tinggi
• Singapore	39.52	Tinggi	t.d	-	-	-
• Japan	38.16	Tinggi	38.94	Tinggi	38.55	Tinggi
NOTA: Tahap resilién kanak-kanak Malaysia paling rendah berbanding 7 negara Asia lain; Anak 7 tahun lebih resilién daripada anak 5 tahun.						

*Tahap Resilién Kanak-kanak (10 item): Min.10; Mak.50 pada skala Likert 5-poin.
Skor: 10-20 = Rendah; 21-30 = Sederhana; 31-40 = Tinggi; 41-50 = Sangat Tinggi

**Skor purata bagi setiap negara Asia yang terlibat tidak ditunjukkan kerana tidak mendapat kebenaran dari negara-negara berkenaan).

Jadual 2 menunjukkan tahap Resilién Hubungan Ibu-Anak bagi Malaysia juga rendah berbanding 7 negara Asia lain. Tren yang sama dilihat, di mana Resilién Hubungan Ibu-Anak 7 tahun tinggi sedikit dari anak 5 tahun bagi Malaysia, dan bagi negara Asia lain, Resilién Hubungan Ibu-Anak berada pada tahap sederhana. Ini bermakna, cara ibu mengurus dan melayani anak 5 tahun berbeza dengan anak 7 tahun.

Jadual 2 - Tahap Resilién Hubungan Ibu-Anak Malaysia 5 dan 7 tahun berbanding negara Asia lain (Taiwan, Filipina, Singapura, China, Jepun, Indonesia, dan Thailand)


Soalselidik PMK-CYRM-R: mengukur resilién hubungan ibu- anak (7 item)	TAHAP RESILIEN HUBUNGAN IBU-ANAK (<i>Child's Caregiver Relational Resilience</i>)					
	5 tahun		7 tahun		Purata 5 dan 7 tahun	
	Jumlah skor min	Tahap	Jumlah skor min	Tahap	Jumlah skor min	Tahap
Malaysia	19.47	Sederhana	27.76	Tinggi	23.62	Tinggi

Skor Purata 7 negara Asia	31.44	Exceptional	31.15	Exceptional	31.3	Exceptional
• Taiwan	32.12	Exceptional	31.67	Exceptional	31.90	Exceptional
• Filipina	32.02	Exceptional	31.75	Exceptional	31.89	Exceptional
• Singapura	31.94	Exceptional	t.d	t.d	-	-
• China	31.71	Exceptional	t.d	t.d	-	-
• Japan	31.17	Exceptional	31.93	Exceptional	31.55	Exceptional
• Indonesia	30.76	Exceptional	30.78	Exceptional	30.77	Exceptional
• Thailand	30.33	Exceptional	29.64	Exceptional	30.00	Exceptional
NOTA: Tahap Resilien Hubungan Ibu-Anak Malaysia paling rendah berbanding 7 negara Asia lain; Anak 5 tahun lebih rendah dari anak 7 tahun; bagi 7 negara Asia lain, Tahap Resilien Hubungan Ibu-Anak 5 & 7 tahun sama tinggi.						

*Tahap Resilien Hubungan Ibu-Anak (7 item): Min.7; Mak.35 pada skala Likert 5-poin.
Jumlah Skor Min: 7.0-13.9=Rendah; 14.0-20.9=Sederhana; 21.0-27.9=Tinggi; 28-35=Sangat Tinggi

**Skor purata bagi setiap negara Asia yang terlibat tidak ditunjukkan kerana tidak mendapat kebenaran dari negara-negara berkenaan).

Carta 1: Tahap Resilien Kanak-kanak dan Tahap Resilien Hubungan Ibu-Anak Malaysia dan perbandingan dengan 7 negara Asia lain.



Carta 1 menunjukkan tahap Resilien Kanak-kanak Malaysia lebih rendah berbanding tujuh negara Asia lain yang terlibat. Kanak-kanak Malaysia 7 tahun menunjukkan TR lebih tinggi daripada 5 tahun (27.9 dan 36.9), tetapi di 7 negara Asia lain, tahap Resilien Kanak-kanak 5 dan 7 tahun adalah hampir sama tinggi (40.32 dan 40.27).

(ii) Kegembiraan dan kesejahteraan kanak-kanak Malaysia berbanding negara Asia lain

Jadual 3 menunjukkan secara purata hanya 63.6% kanak-kanak Malaysia 5 dan 7 tahun dikatakan (oleh ibu mereka) gembira dan sejahtera semasa pandemik COVID-19 berbanding purata 77.8% kanak-kanak dari tujuh negara Asia lain yang terlibat seperti yang dipaparkan oleh Carta 2. Kanak-kanak Malaysia paling tidak gembira dan tidak sejahtera dalam empat aspek iaitu peluang bermain dengan kawan-kawan (kerana 'lockdown'/PKP), hubungan keluarga, kesejahteraan emosi, dan estim sendiri.


Jadual 3 - Kegembiraan dan kesejahteraan kanak-kanak Malaysia 5 dan 7 tahun (dari pandangan ibu/penjaga) berbanding negara Asia lain (Taiwan, Filipina, Singapura, China, Jepun, Indonesia, dan Thailand)

Soalselidik KINDL-QOL mengukur kegembiraan dan kesejahteraan hidup dalam 6 aspek.	5 TAHUN		7 TAHUN		PURATA
	% setuju	Min (SD)	% setuju	Min (SD)	Purata Setuju (% / Min)
1: Kesejahteraan fizikal	64.9	4.34 (0.79)	84.3	4.22 (0.78)	74.6 / 4.28
2: Kesejahteraan emosi	49.9	3.42 (1.16)	73.1	4.1 (0.98)	61.5 / 3.76
3: Estim-kendiri	64.8	3.78 (1.06)	58.6	3.69 (1.13)	61.7 / 3.74
4: Hubungan keluarga	42.0	3.42 (1.11)	74.2	3.77 (1.09)	58.1 / 3.6
5: Kawan-kawan	53.5	3.18 (1.17)	59.7	3.89 (1.08)	56.6 / 3.54

6: Prasekolah/Sekolah	70.5	3.98 (0.90)	62.6	3.74 (0.94)	66.6 / 3.86
Skor Purata (Malaysia)	59.9	3.69 (1.03)	67.3	3.9 (1.01)	63.6% / 3.8
Skor purata 7 negara Asia lain	74.5	t.d	81.0	t.d	77.8 / t.d

*Hanya skor purata ditunjukkan. Skor bagi setiap negara tidak dapat ditunjukkan kerana tidak mendapat kebenaran dari negara-negara tersebut.

Carta 2: Peratus kanak-kanak (5 & 7 tahun) di Malaysia berbanding di 7 negara Asia lain yang gembira dan sejahtera (dari pandangan ibu/penjaga)



Analisis statistik menunjukkan resiliensi dan kegembiraan adalah dua faktor yang saling berkorelasi secara positif dan signifikan (pekali Spearman bagi kanak-kanak 5 tahun ialah $r=0.243^{**}$ ($p<0.01$); dan kanak-kanak 7 tahun ialah $r=0.419^{**}$ ($p<0.01$). Ini bermakna anak yang resilien adalah anak yang gembira dan sejahtera, dan sebaliknya juga benar – anak yang kurang resilien adalah juga anak yang kurang gembira dengan kehidupannya.

PERBINCANGAN: IMPLIKASI TERHADAP PERSEDIAAN MODAL INSAN NEGARA MASA HADAPAN

Secara umum, kanak-kanak Malaysia 5 dan 7 tahun mempunyai tahap resiliensi yang jauh lebih rendah berbanding kanak-kanak di tujuh negara Asia lain yang terlibat dalam kajian ini yang dijalankan pada 2021 iaitu semasa pandemik COVID-19. Demikian juga hanya 63.6 peratus kanak-kanak Malaysia 5 dan 7 tahun merasa gembira dan sejahtera semasa krisis tersebut berbanding 77.8 peratus kanak-kanak di negara-negara Asia yang terlibat.

Tahap resiliensi yang rendah bermakna kanak-kanak Malaysia secara am mempunyai daya tahan diri yang rendah dalam menghadapi cabaran. Jika masalah ini tidak ditangani dengan intervensi yang betul, ia boleh memberi kesan jangka panjang sehingga mereka dewasa, berkemungkinan mereka akan menjadi individu yang tidak begitu berani mengambil risiko, lemah dalam berfikir dan berikhtiar untuk menyelesaikan masalah, serta selalu bimbang dan stres (Shonkoff, et al., 2012); Evans & Cassells, 2014; Masten & Barnes, 2018; Liu M et al., 2020; Lee TSH et al., 2021; Hall, Perez & West, 2021; dan Wan Z, et al., 2022). Sifat-sifat peribadi begini bertentangan dengan dunia pekerjaan masa hadapan yang dinamik, berteknologi tinggi, pantas, kreatif, fleksibel, *adaptable*, dan kolaboratif, yang memerlukan sifat daya tahan tinggi, berani, berfikiran terbuka, positif, kreatif dan proaktif.

Beberapa kajian psikoanalitik (Zielinski, 2009; Evans & Kim, 2012, Morgan, et al., 2020; Daines, et al. 2021) melaporkan bahawa kegembiraan dan kesejahteraan atau sebaliknya, semasa zaman kanak-kanak akan memberi kesan positif atau negatif apabila mereka dewasa kelak. Kajian neurosains juga turut mengesahkan bahawa '*brain stress*' memberi kesan negatif terhadap perkembangan otak kanak-kanak (McEwen, 2013; Thompson, 2016).

Daripada dapatan kajian ini, disarankan supaya Kerajaan Malaysia memberi perhatian serius kepada isu-isu berkaitan perkembangan dan kesejahteraan kanak-kanak dalam semua dasar yang digubal. Demi menjamin masa hadapan Malaysia yang makmur, maju dan berjaya, kanak-kanak hari ini perlu disediakan dengan pendidikan, personaliti dan *outlook* serta cara berfikir yang sesuai dengan suasana dan persekitaran masa hadapan. Lapan tahun pertama adalah peringkat paling penting dalam hidup kanak-kanak. Pelaburan yang besar perlu disediakan bagi memastikan mereka mendapat diet yang sihat dan kesejahteraan emosi dan fizikal serta penjagaan yang terbaik, kerana perkembangan mereka dalam masa tersebut adalah sangat kritikal dan akan berkekalan sehingga dewasa. Demikianlah menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh *the National Academies of Sciences, Engineering and Medicine, et al.* (2016), yang dilapor dalam *CDC Grand Rounds* (2017) bahawa: '*Pada 5 hingga 8 tahun pertama, otak kanak-kanak paling anjal (most flexible), merupakan tempoh yang paling kritikal untuk pembelajaran dan pertumbuhan.*

Sains memberitahu bahawa kanak-kanak yang mengalami kesukaran teruk (*adversity*) dalam masa lapan tahun pertama, berisiko mengalami *toxic stress* sepanjang hayat mereka” (Robinson, et al., 2017)⁸.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia 2021, terdapat kira-kira 9.6 juta kanak-kanak dan remaja (0-18 tahun) pada tahun 2020, iaitu 28.3% jumlah penduduk Malaysia. Sayugia, lebih seperempat penduduk Malaysia ini perlu dipersiapkan agar mempunyai ciri-ciri positif, resilien, berdaya saing tinggi, cerdas, boleh beradaptasi kepada perubahan, boleh berkomunikasi dalam beberapa bahasa terutama bahasa Inggeris, dan mampu bersaing dalam persekitaran pekerjaan masa depan yang berteraskan teknologi digital terbaru, merentasi sempadan negara dan angkasa – sehingga tidak ada kanak-kanak Malaysia yang sepatutnya tertinggal ke belakang.

Malaysia tidak lagi boleh leka dalam membina bakat dan potensi kanak-kanak dan remaja yang ada sekarang. Menyusuri perkembangan-perkembangan yang sedang berlaku sejak 2016, Malaysia telah terlibat dalam pelbagai inisiatif ekonomi yang diwujudkan oleh negara-negara ASEAN, misalnya yang terbaru ialah *ASEAN Digital Economic Policy 2025* (dilancarkan pada Januari 2019), *ASEAN Digital Masterplan 2025 (DGM2025)* (dilancarkan pada Januari 2021), *ASEAN Digital Integration Framework Action Plan 2019-2025* (ditandatangani pada Oktober 2019) dan *Bandar Seri Begawan Roadmap* (ditandatangani pada Oktober 2021). Semua inisiatif ini memerlukan modal insan yang bijak, berbakat, cerdas, resilien, yakin diri, bersifat *adaptable*, mahir teknologi digital dan boleh berkomunikasi dalam beberapa bahasa. Jika potensi-potensi ini tidak dibina dari sekarang, maka Malaysia akan menjadi negara ASEAN yang tertinggal ke belakang. Oleh itu, WKB2030 perlu dijadikan landasan utama dalam semua perancangan penduduk dan kependudukan rakyat Malaysia, khususnya golongan awal kanak-kanak dan remaja. Sebaliknya jika keperluan dan kesejahteraan hidup golongan ini diabaikan atau diketepikan dalam dasar-dasar negara, maka padahnya adalah buruk kepada pembangunan negara di masa hadapan kelak.

CADANGAN CARA MEMBINA POTENSI KANAK-KANAK MALAYSIA MASA HADAPAN

Berikut disarankan beberapa cadangan cara-cara dan strategi yang boleh diambil oleh Kerajaan Malaysia bagi memupuk potensi kanak-kanak, khususnya yang mempunyai tahap resilien rendah dan kurang gembira dan sejahtera agar lebih berdaya saing, yakin diri, dan bersikap positif serta optimistik.

1. Perkuatkan mekanisme perlindungan kanak-kanak dalam keluarga melalui kursus-kursus perkahwinan atau kursus sebelum atau selepas bersalin kerana ibu-bapalah yang pertama sekali berpengaruh dalam membina resilien anak-anak – melalui hubungan resilien ibu-bapa-anak. Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) boleh menyediakan bahan-bahan bacaan/panduan kepada bakal-bakal ibu-bapa dengan bantuan pihak universiti. Cadangan ini dilandaskan kepada penyelidikan oleh Gavidia-Payne et al. (2015) dan Aivalioti dan Pezirkianidis (2020) bahawa anak-anak menjadi resilien adalah kerana ibu-bapanya juga resilien, dan keluarga yang bahagia, sejahtera dan mapan dapat melahirkan anak-anak yang resilien, optimistik, gembira dan sejahtera pada masa hadapan.
2. Memastikan pendidik/pengasuh Taman Asukan Kanak-kanak (TASKA), tadika dan prasekolah mempunyai latihan khusus dalam *‘positive psychology in early childhood care and education’* dan menyediakan buku-buku panduan bagi membantu guru-guru prasekolah dan sekolah rendah memainkan peranan sebagai *professional support* kepada ibu-bapa dalam memupuk dan membina resilien, kegembiraan, kesejahteraan emosi dan fizikal serta estim sendiri kanak-kanak, disamping melaksanakan pemerhatian secara berterusan berkaitan potensi kanak-kanak, dan untuk dilaporkan kepada ibu-bapa serta guru-guru yang mengambil alih pendidikan kanak-kanak di peringkat-peringkat seterusnya.
3. Tubuhkan sebuah *‘Centre for Children’s Health and Wellbeing’* di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia untuk menjalankan penyelidikan, memantau dan mengumpul data secara berkala mengenai perkembangan dan pertumbuhan kanak-kanak, kesihatan, kesejahteraan fizikal, kesejahteraan emosi, resilien, keistimewaan bakat/potensi, selain daripada mengumpul maklumat/data mengenai penyakit dan kesihatan kanak-kanak agar dapat digunakan bagi membantu Kerajaan membuat keputusan tentang peruntukan dalam belanjawan negara, menginovasi penjagaan dan pendidikan serta menyediakan sistem sokongan bagi mengembangkan potensi/bakat kanak-kanak melalui melibatsama keluarga dan pakar. Pusat ini juga boleh bertindak sebagai penasihat kepada Kerajaan dalam hal-ehwal berkaitan kesihatan dan kesejahteraan kanak-kanak dari sudut perubatan, penyakit dan perkembangan intelek mereka.
4. Mengubah persepsi negatif rakyat Malaysia bahawa penggunaan gajet dan alat-alat perenti memberi kesan buruk kepada kanak-kanak tanpa menilai kesan baik dari aktiviti tersebut. Sebaiknya minat dan potensi kanak-kanak dalam bidang digital teknologi dipupuk dan dibina dengan lebih rancak sejak kecil dan ditekankan dalam pembelajaran di prasekolah, sekolah dan di semua institusi pendidikan dan latihan. Walaupun banyak pihak yang berpendapat internet dan gajet atau permainan video tidak baik kepada kanak-kanak - boleh memudaratkan penglihatan, hubungan sosial, menyebabkan kurang tumpuan terhadap pembelajaran dan sebagainya, namun kanak-kanak ‘yang lahir bersama internet’ tidak mungkin boleh dipisahkan daripada menggunakan internet dalam hidup mereka sejak dari awal usia. Apa yang perlu ada ialah pemantauan.
5. Kebiasaan menggunakan internet akan menjadikan kanak-kanak lebih cepat mahir dalam digital teknologi. Oleh itu, Kerajaan disarankan supaya mempercepatkan pembinaan infrastruktur bagi meningkatkan kelajuan capaian internet di seluruh pelusuk negara – selaras dengan *ASEAN Digital Masterplan 2025* yang menggariskan langkah-langkah yang patut diambil oleh negara-negara ASEAN termasuk Malaysia, dalam menyediakan lebih ramai bakat (*talents*) dalam bidang *digitalization* dan

⁸ <http://dx.doi.org/10.15585/mmwr.mm6629a1external> icon

meningkatkan infrastruktur (kelajuan internet) dan cakupan internet ke kawasan pedalaman, serta memperkukuhkan *cybersecurity* data (Quah, Say Jye & Kevin Chen, 2022).

- Menyediakan khidmat psikologis untuk sekolah (selain khidmat kaunseling) supaya kanak-kanak dapat dibantu dan dipantau oleh pakar dalam aspek kesihatan mental, emosi dan perkembangan fizikal. Pakar psikologis boleh melawat sekolah setiap bulan, disamping memberi maklumat-maklumat penting tentang kesihatan mental kepada guru dan pelajar-pelajar. Program seumpama ini: **'Bringing mental health into the classroom'** dan **'School-based Mental health services'** telah pun wujud di negara-negara maju seperti Finland, Sweden, Jepun, dan Amerika Syarikat, manakala di negara ASEAN termasuk Malaysia, kurikulum kesihatan mental dikatakan telah memasukkan ke dalam mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (PJK) – tetapi mungkin kurang diberi penekanan dalam pembelajaran oleh guru-guru. Ahli psikologis biasanya lebih berpengetahuan untuk berbincang dengan pelajar-pelajar mengenai *'coping skills, addressing trauma, stress, anxiety, sexual behaviour and health, anger management'* dan lain-lain masalah psikologi dan peribadi.
- Memberi fokus kepada minat dan bakat terpendam atau potensi diri kanak-kanak dalam sistem pendidikan yang lebih terbuka dan inovatif – agar tidak hanya menekankan kepada akademik. Jika pihak sekolah benar-benar ingin mencapai zero kecaciran dan SDG 4.0: *Equity in education and no one is left behind* seperti dinyatakan dalam 'Roadmap Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016-2025', maka sistem sedia ada perlu diubahsuai supaya memberi laluan kepada pelbagai potensi yang ada pada diri pelajar-pelajar, misalnya sukan, muzik, lakonan, bahasa, geografi, sejarah, sains, matematik, penulisan, lukisan, ukiran, binaan, perniagaan, pertanian, pertukangan, teknologi, robotik, komputer sains, statistik, animasi, fotografi, design, masakan, jahitan dan sebagainya. Kementerian Pendidikan Malaysia perlu membuka peluang-peluang baharu kepada pelajar-pelajar sesuai dengan minat mereka. Wujudkan sekolah atau kelas-kelas berintegrasi untuk pembelajaran pelbagai bidang, dengan itu tidak akan ada murid yang akan tercicir separuh jalan, yang kelak akan menjadi liabiliti kepada negara. Dalam abad 21 ini, semua bidang boleh diterokai dan diceburi yang boleh membawa kejayaan hidup dan kemakmuran ekonomi keluarga dan negara.

KESIMPULAN

Wabak Covid-19 yang melanda Malaysia dan dunia memberi impak besar kepada kanak-kanak, khususnya dari segi perkembangan jasmani, psikologi dan emosi, sosial dan pembelajaran. Kanak-kanak yang mempunyai daya tahan tinggi, iaitu resilien yang baik mungkin tidak begitu terjejas oleh krisis pandemik COVID-19, tetapi jika tahap resiliennya rendah, maka kesan krisis ini sangat besar impaknya kepada kesejahteraan dan kualiti hidup kanak-kanak, dan jika tidak ditangani, akhirnya akan memberi kesan sehingga dewasa. Kanak-kanak membina resilien yang baik jika mempunyai hubungan yang resilien dengan ibu-bapa/penjaga dan guru-guru di Taska dan Tadika/prasekolah. Hubungan yang resilien terbina jika ibu-bapa juga dari kalangan individu yang resilien. Resilien ibu-bapa/penjaga/guru turut menyokong rasa gembira, sejahtera dan kepuasan diri kanak-kanak, justeru meningkatkan kualiti hidupnya dan minatnya untuk belajar dan berjaya pada masa hadapan.

Malaysia sudah hampir ke belakang dari segi pelaksanaan dasar-dasar yang dibuat di peringkat ASEAN, malah dasar-dasar yang terdapat dalam negara sendiri pun masih belum lancar dilaksanakan, misalnya Dasar 4IR Negara 2030⁹ - bertujuan menjadikan Malaysia negara peneraju alam digital menjelang 2030; Rancangan Malaysia Ke-12 (2021-2025)¹⁰ - untuk membangunkan bakat masa hadapan dan mempercepatkan penerimgunaan teknologi dan inovasi dalam semua urusan kerajaan, perniagaan dan kehidupan harian; Dasar Keusahawanan Nasional 2030¹¹- untuk meningkatkan bilangan usahawan negara yang berkualiti, berdaya maju, berdaya tahan, berfikiran global dan kompetitif; Dasar Angkasa Negara 2030 - untuk memacu pembangunan sains dan teknologi angkasa serta membina kepakaran; dan *Roadmap* Kementerian Pendidikan Malaysia (2016-2025) - untuk mencapai matlamat SDG4.0: *'leaving no one behind'* menjelang 2025.

Jelas dasar-dasar tersebut diwujudkan untuk memperkukuhkan ekonomi, sosial, kemakmuran dan kesejahteraan rakyat Malaysia pada masa hadapan. Dalam konteks ini, masa hadapan Malaysia adalah bergantung kepada kualiti modal insan yang ada hari ini, iaitu 9.6 juta kanak-kanak dan remaja yang ada sekarang - merekalah yang akan menerajui pembangunan negara dan menentukan keberhasilan WKB2030 hingga 2050. Mereka adalah kanak-kanak yang sedang diasuh dan dididik di taman-taman asuhan (TASKA), di kelas-kelas TADIKA dan prasekolah, remaja yang sedang berada di sekolah rendah, sekolah menengah dan sekolah agama. Golongan inilah yang perlu diberi perhatian utama dalam menggariskan dasar dan strategi serta peruntukan negara. Golongan inilah yang perlu difokuskan untuk dibangunkan dari segi kualiti diri, potensi, bakat, kreativiti, kemahiran berfikir, akhlak, kesihatan mental, agama, sosial dan emosi, kegembiraan dan resilien dalam menghadapi cabaran.

Golongan inilah juga yang perlu diasuh agar mahir teknologi digital, cerdas, anjal dan boleh beradaptasi dengan mudah, yakin diri, resilien, berani mengambil risiko, mahir berkomunikasi dan mampu bersaing di peringkat lokal dan global. Maka kenyataan bahawa kanak-kanak adalah masa hadapan negara adalah masih benar dan tetap benar bagi Malaysia. Kanak-kanak Malaysia yang ceria, gembira dan resilien adalah aset tidak ternilai yang akan memakmur dan menjulang status negara pada masa hadapan.

⁹ <https://www.epu.gov.my/ms/dasar-revolusi-perindustrian-keempat-4ir-negara>

¹⁰ <https://govdocs.sinarproject.org/documents/prime-ministers-department/economic-planning-unit/rancangan-malaysia-kedua-belas-rmk-12/ringkasan-eksekutif-rmk-12.pdf>

¹¹ <https://www.pmo.gov.my/ms/2019/08/dasar-keusahawanan-nasional/>

PENGHARGAAN

Kertaskerja ini adalah hasil projek penyelidikan kolaboratif dengan Child Research Network Asia (CRNA) bertajuk: 'Collaborative questionnaire survey for exploring factors nourishing happy and resilient children among Asian countries'. Kami menghargai bantuan daripada Center for Early Childhood Development, Education, and Policy Research (CEDEP) Japan.

RUJUKAN

- Ayob, A., Tan, P. T., Mustafa, M. C., Shamsudin, I. D., Abdullah, N., Dzainudin, M., & Radzi, N. M. (2022). Country Report 2022 (Malaysia): Association between mothers' parenting attitudes and perceptions about child-rearing and children's resilience and happiness (QOL) in Malaysia. CRNA Collaborative Research. https://www.childresearch.net/projects/pdf/crna_2022_04.pdf
- Aivalioti, I., & Pezirkianidis, C. (2020). The role of family resilience on parental well-being and resilience levels. *Psychology, 11*(11), 1705-1728.
- Benton, T., Njoroge, W. F. M., & Ng, W. Y. K. (2022). Sounding the alarm for children's mental health during the COVID-19 Pandemic. *JAMA pediatrics, 176*(4), e216295. <https://doi.org/10.1001/jamapediatrics.2021.6295>
- Borualogo, I. S., & Jefferies, P. (2019). Adapting the child and youth resilience measure-revised for Indonesian contexts. *Journal of Educational, Health and Community Psychology, 8*(4), 480-498.
- Bullinger, M., Brütt, A. L., Erhart, M., & Ravens-Sieberer, U. (2008). Psychometric properties of the KINDL-R questionnaire: results of the BELLA study. *European child & adolescent psychiatry, 17*(1), 125-132.
- Chatterjee, S. (2018). Children's Coping, Adaptation and resilience through play in situations of crisis. *Children, Youth and Environments, 28*(2), 119-145.
- Cheng, T.L., Moon, M., Artman, M. et al. (2020). Shoring up the safety net for children in the COVID-19 pandemic. *Pediatr Res 88*, 349–351 (2020). <https://doi.org/10.1038/s41390-020-1071-7>
- Cross W. E., Jr (2017). Ecological factors in human development. *Child development, 88*(3), 767–769. <https://doi.org/10.1111/cdev.12784>
- Cusinato, M., Iannatone, S., Spoto, A., Poli, M., Moretti, C., Gatta, M., & Miscioscia, M. (2020). Stress, resilience, and well-being in Italian children and their parents during the COVID-19 Pandemic. *International Journal of Environmental Research and Public Health, 17*(22), 8297. <https://doi.org/10.3390/ijerph17228297>
- Daines, C., Hansen, D., Novilla, M.L., & Crandall, A. (2021). Effects of positive and negative childhood experiences on adult family health. *BMC Public Health, 21*.
- Darbyshire, P. (2019). Children are our future. Really?. *Journal of Child Health Care, 23*(3), 339-342.
- Dorn, E., Hancock, B., Sarakatsannis, J., & Viruleg, H. (2020). COVID-19 and student learning in the United States: The hurt could last a lifetime. New York: McKinsey and Co.
- Evans, G. W., & Kim, P. (2013). Childhood poverty, chronic stress, self-regulation, and coping. *Child development perspectives, 7*(1), 43-48.
- Evans, G. W., & Cassells, R. C. (2014). Childhood poverty, cumulative risk exposure, and mental health in emerging adults. *Clinical Psychological Science, 2*(3), 287-296.
- Fong, H. X., Cornish, K., Kirk, H., Ilias, K., Shaikh, M. F., & Golden, K. J. (2021). Impact of the COVID-19 lockdown in Malaysia: An examination of the psychological well-being of parent-child dyads and child behavior in families with children on the Autism spectrum. *Frontiers in Psychiatry, 12*, 733905. <https://doi.org/10.3389/fpsy.2021.733905>
- Gavidia-Payne, S., Denny, B., Davis, K., Francis, A., & Jackson, M. (2015). Parental resilience: A neglected construct in resilience research. *Clinical Psychologist, 19*(3), 111-121.
- Hall, A., Perez, A., West, X., Brown, M., Kim, E., Salih, Z., & Aronoff, S. (2021). The association of adverse childhood experiences and resilience with health outcomes in adolescents: an observational study. *Global Pediatric Health, 8*, 2333794X20982433.
- Hoofman, J., & Secord, E. (2021). The effect of COVID-19 on education. *Pediatric clinics of North America, 68*(5), 1071–1079. <https://doi.org/10.1016/j.pcl.2021.05.009>
- Jefferies, P., McGarrigle, L., & Ungar, M. (2019). The CYRM-R: A Rasch-validated revision of the child and youth resilience measure. *Journal of Evidence-Based Social Work, 16*(1), 70-92.
- Lee, T. S. H., Wu, Y. J., Chao, E., Chang, C. W., Hwang, K. S., & Wu, W. C. (2021). Resilience as a mediator of interpersonal relationships and depressive symptoms amongst 10th to 12th grade students. *Journal of Affective Disorders, 278*, 107-113.
- Liu, M., Mejia-Lancheros, C., Lachaud, J., Nisenbaum, R., Stergiopoulos, V., & Hwang, S. W. (2020). Resilience and adverse childhood experiences: Associations with poor mental health among homeless adults. *American Journal of Preventive Medicine, 58*(6), 807-816.
- Masten, A. S., & Barnes, A. J. (2018). Resilience in children: Developmental perspectives. *Children, 5*(7), 98.
- McEwen, B. S. (2013). The brain on stress: Toward an integrative approach to brain, body, and behavior. *Perspectives on psychological science, 8*(6), 673-675.
- Morgan, C., Gayer-Anderson, C., Beards, S., Hubbard, K., Mondelli, V., Di Forti, M., Murray, R. M., Pariante, C., Dazzan, P., Craig, T. J., Reininghaus, U., Fisher, H. L. (2020). Threat, hostility and violence in childhood and later psychotic disorder: population-based case-control study. *The British Journal of Psychiatry, 217*(4), 575-582.
- National Academies of Sciences, Engineering, and Medicine; Division of Behavioral and Social Sciences and Education; Board on Children, Youth, and Families; Committee on Supporting the Parents of Young Children, Heather Breiner, Morgan Ford, Vivian L. Gadsden, (editors) (2016). *Parenting matters: Supporting parents of children ages 0–8*. Washington (DC): National Academies Press (US); 2016 Nov 21.

- Pew Research Center (November 19, 2021). Growing share of childless adults in U.S. don't expect to ever have children. <https://www.pewresearch.org/fact-tank/2021/11/19/growing-share-of-childless-adults-in-u-s-dont-expect-to-ever-have-children/> (diakses 20 Julai 2022).
- Quah, Say Jye & Kevin Chen (2022). Frameworks, masterplans, and roadmaps: ASEAN's digital economy aspirations, Research Paper #20-2021, Asia Competitiveness Institute Research Paper Series (March 2022).
- Robinson, L. R., Bitsko, R. H., Thompson, R. A., Dworkin, P. H., McCabe, M. A., Peacock, G., & Thorpe, P. G. (2017). CDC grand rounds: Addressing health disparities in early childhood. *Morbidity and Mortality Weekly Report*, 66(29), 769.
- Setiawan T, Wardani R, & Theresia E. (n.d.). *The conditional effect of family resilience on family quality of life during the Covid-19 pandemic*. F1000Res; 2022. DOI: 10.12688/f1000research.125852.2.
- Shonkoff, J. P., Garner, A. S., Committee on Psychosocial Aspects of Child and Family Health, Committee on Early Childhood, Adoption, and Dependent Care, and Section on Developmental and Behavioral Pediatrics, Siegel, B. S., Dobbins, M. I., Earls, M. F., Garner, A. S., McGuinn, L., Pascoe, J., & Wood, D. L. (2012). The lifelong effects of early childhood adversity and toxic stress. *Pediatrics*, 129(1), e232-e246.
- Sun, J., Singletary, B., Jiang, H., Justice, L. M., Lin, T. J., & Purtell, K. M. (2022). Child behavior problems during COVID-19: Associations with parent distress and child social-emotional skills. *Journal of Applied Developmental Psychology*, 78, 101375.
- Thompson, R. A. (2016). What more has been learned? The science of early childhood development 15 years after neurons to neighborhoods. *Zero to Three Journal*, 36(3), 18-24.
- Ungar, M. (2018). Systemic resilience. *Ecology and Society*, 23(4).
- Van de Vijver, F. (2015). Methodological aspects of cross-cultural research. In Gelfand, M. J., Chiu, C. Y., & Hong, Y. Y. (Eds.). (2015). *Handbook of Advances in Culture and Psychology, Volume 5*. Oxford University Press.
- Van Lancker, & W., Parolin, Z. (2020). COVID-19, school closures, and child poverty: a social crisis in the making. *Lancet Public Health*, 5(5), 243-244.
- Veronese, G., Cavazzoni, F., & Antenucci, S. (2018). Narrating hope and resistance: A critical analysis of sources of agency among Palestinian children living under military violence. *Child Care Health Dev*, 44(6), 863-870. doi:10.1111/cch.12608.
- Wan, Z., Rolls, E. T., Feng, J., & Cheng, W. (2022). Brain functional connectivities that mediate the association between childhood traumatic events, and adult mental health and cognition. *EBioMedicine*, 79, 104002.
- World Bank, UNESCO & UNICEF (2021) The state of the global education crisis: Path to recovery: Executive summary. International Bank for Reconstruction and Development publication/ The World Bank, UNESCO and UNICEF.
- Zainudeen, Z. T., Abd Hamid, I. J., Azizuddin, M. N. A., Abu Bakar, F. F., Sany, S., Zolkepli, I. A., & Mangantig, E. (2021). Psychosocial impact of COVID-19 pandemic on Malaysian families: a cross-sectional study. *BMJ open*, 11(8), e050523. <https://doi.org/10.1136/bmjopen-2021-050523>
- Zielinski, D. S. (2009). Child maltreatment and adult socioeconomic well-being. *Child Abuse & Neglect*, 33(10), 666-678.
- Zolkoski, S. M., & Bullock, L. M. (2012). Resilience in children and youth: A review. *Children and Youth Services Review*, 34(12), 2295-2303. doi:10.1016/j.childyouth.2012.08.009